

Jerebu: Jejas 445,249 pelajar

UTUSAN MALAYSIA (15/09/2010) M.S.

Oleh **SAYED HESHAM IDRIS,**
HARADIAN SHAH HAMDAN
dan **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
pengarang@utusan.com.my

■ **PUTRAJAYA 17 SEPT.**

SITUASI jerebu telah menjejaskan sesi pembelajaran 445,249 pelajar di 636 sekolah kerajaan yang ditutup hari ini berikutan keadaan jerebu dan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) melebihi 200.

Kementerian Pendidikan dalam kenyataan memaklumkan, ia membabitkan Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan empat negeri iaitu Sarawak, Selangor, Negeri Sembilan dan Putrajaya.

Ujar kenyataan lagi, pecahan sekolah ditutup adalah Sarawak (298), Selangor (201), Negeri Sembilan (112) dan Putrajaya (25).

"Selain itu, sebanyak 12 sekolah swasta di empat sama juga ditutup yang membabitkan 7,432 pelajar.

"Jumlah ini melibatkan lima sekolah swasta di Selangor, empat di Kuala Lumpur, dua di Putrajaya dan satu lagi di Kuala Lumpur," kata kenyataan itu di sini hari ini.

Berdasarkan Garis Panduan Jerebu Kebangsaan, sekolah perlu ditutup sekiranya bacaan IPU melebihi 200 atau pada tahap sangat tidak sihat.

Di **IPOH**, sesi petang persekolahan 23 buah sekolah di dua daerah di negeri ini ditutup hari ini ekoran IPU melebihi bacaan 200 akibat jerebu.

Arahan menutup sekolah untuk kelas sesi petang meli-

batkan 14 buah sekolah di Daerah Manjung dan sembilan lagi sekolah di Daerah Hilir Perak.

Pengarah Pendidikan Perak, Dr. Mohd. Suhaimi Mohamed Ali berkata, sesi petang sekolah yang ditutup melibatkan 7,286 murid di kedua-dua daerah berkenaan.

Menurutnya, sebarang perubahan atau maklumat terbaru akan dimaklumkan dari masa ke semasa.

"Bacaan IPU telah melebihi 200 mulai jam 1 petang ini dan tren bacaan IPU menunjukkan peningkatan pada sesi petang.

"Sehubungan itu Jabatan Pendidikan Negeri Perak ingin memaklumkan bahawa semua sekolah sesi petang dalam daerah Manjung sebanyak 14 buah sekolah dan daerah Hilir Perak sebanyak sembilan buah ditutup pada hari ini yang melibatkan jumlah seramai 7,286 orang murid.

"Pihak sekolah telah diingatkan untuk mengikut prosedur operasi standard yang ditetapkan dan mengutamakan kesihatan murid dan guru sepanjang masa," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

IPU kawasan Manjung mencatat bacaan sangat tidak sihat iaitu 232 pada pukul 6 petang berbanding 229 pada pukul 5 petang.

Sementara itu, dua lagi kawasan di negeri ini mencatatkan bacaan IPU tidak sihat iaitu Tasek 108 dan Pegoh 016 setakat pukul 6 petang.

109 sekolah ditutup di Negeri Sembilan akibat jerebu

DI SEREMBAN, sebanyak 109 buah sekolah di Port Dickson dan Nilai diarahkan tutup hari

ini selepas bacaan IPU di kedua-dua daerah itu melepasi 200, iaitu paras sangat tidak sihat.

Arahan penutupan itu melibatkan 63 sekolah di Port Dickson dan 46 lagi di Nilai.

Timbalan Menteri Pendidikan, Teo Nie Ching berkata, Kementerian itu sentiasa memantau kualiti udara dan meminta pihak sekolah turut berbuat demikian bagi mengatur sesi persekolahan.

"Pihak sekolah diseru untuk merujuk bacaan IPU setiap satu jam. Jika bacaan melebihi 200, sekolah perlu ditutup sertamerta seperti di Nilai dan Port Dickson pagi ini apabila bacaan IPU melebihi 200 pada waktu sesi persekolahan baru bermula," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melawat Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil Bandar Seri Sendayan di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengarah Pendidikan negeri, Datuk Pkharuddin Ghazali.

Berdasarkan maklumat laman sesawang Sistem Pengurusan Indeks Pencemaran Udara Malaysia (APIMS), Port Dickson mula mencatat bacaan udara sangat tidak sihat iaitu 203 pada pukul 6 pagi, manakala Nilai mencatat bacaan sama pada pukul 9 pagi.

Pada pukul 1 tengah hari, bacaan IPU di Port Dickson meningkat sehingga 212 manakala Nilai 206.

Bacaan IPU antara 0 hingga 50 dikategorikan baik, 51 hingga 100 (sederhana), 101 hingga 200 (tidak sihat), 201 hingga 300 (sangat tidak sihat) manakala 300 ke atas berbahaya.



PEMANDANGAN dari udara sekitar
Kuala Lumpur, semalam. - BERNAMA